

12 AUG 1997

MB

SEJUMLAH RM8 BILION DIANGGRAKAN UNTUK ATASI MASALAH MILLENNIUM BUG

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Sejumlah RM8 bilion telah dianggarkan sebagai kos untuk menangani isu Millennium Bug (MB), satu masalah yang berpunca daripada ketidakupayaan perisian komputer tempatan untuk mengenali tahun 2000 dalam fungsi penetapan tarikhnya.

Anggaran sebanyak itu yang didapatkan daripada perbelanjaan tahunan teknologi maklumat akan meliputi semua perkara termasuk membeli perkakasan dan peralatan bagi menggantikan yang sedia ada, kata pengerusi Task Force 2000 industri pengangkutan dan komunikasi Datuk Alex Lee hari ini.

Task Force 2000 ditubuhkan oleh Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menangani masalah itu.

Anggaran perbelanjaan yang akan ditanggung oleh semua sektor, awam dan swasta itu, adalah bagi tempoh peralihan dua setengah tahun dari pertengahan tahun lepas, katanya kepada pemberita selepas taklimat media mengenai MB oleh Penolong Pengarah Task Force 2000 United Kingdom Dr Margaret Joachim.

Lee berkata sementara sektor swasta agak lambat mengambil tindakan, beberapa pertubuhan kerajaan telahpun memulakan usaha menyelesaikan masalah itu sejak pertengahan tahun ini.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan sosial (Socso) adalah antara badan yang telahpun memulakan usaha itu, katanya.

Beliau menasihatkan semua sektor yang terlibat supaya menyiapkan diri bagi perubahan itu.

Lee berkata kebanyakan syarikat swasta dengan kakitangan yang kurang daripada 40 orang dilihat tidak begitu menghiraukan ancaman berkenaan.

Dr Joachim tiba di sini dua hari lepas atas jemputan Task Force 2000 negara selama seminggu untuk memberi penerangan mengenai MB kepada pelbagai kumpulan industri dan kerajaan.

Katanya MB boleh menjejaskan sekurang-kurangnya 80 peratus sistem komputer dan berjuta-juta cip dalam video, pengawal proses, sensor dan pelbagai peralatan lain.

Ia juga boleh menyebabkan antara lain kerosakan dalam bekalan elektrik, telekomunikasi, kegagalan pemindahan wang, penutupan kilang pengeluaran, kad kredit tidak boleh digunakan dan lumpuhnya perkhidmatan kecemasan.

Kecuali sistem itu dirombak, tahun 2000 akan dikenali sebagai "00" dalam rekod komputer yang akan menyebabkan perisian mengenalinya sebagai tahun 1900.

-- BERNAMA

NM RON